



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

24 JANUARI 2022 (ISNIN)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

24 JANUARI 2022 (ISNIN)

Senarai Harga Barang Keperluan							
• Ayam	RM7.99	• Telur Gred A	RM12.45	• Gula Pasir	RM2.85	• Cili Merah	RM6.89
• Daging Lembu Tempatan	RM40	• Ikan Kembung	RM10.99	• Bawang Besar Holland	RM1.80	• Kubis Bulat Tempatan	RM5
• Daging Lembu Import	RM28	• Minyak Masak	RM6.50	• Bawang Putih	RM5.50	• Tepung Gandum	RM2.25

*Harga (RM/kg) Sumber: KPONHEP



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(AGENSI KPDNHEP)**

24 JANUARI 2022 (ISNIN)

Minda Pengarang

MOHAMAD AZLAN JAAFAR



RFID - Mendayung sampan ketika air cetek

MARKAH untuk Malaysia - idea bijak A, pelaksanaan F. Ini sangat benar untuk teknologi Identifikasi Frekuensi Radio (RFID) di lebuh raya baru-baru ini.

Kekecohan pelaksanaan RFID memaksa banyak pihak terpaksa campur tangan. Kementerian Kerja Raya, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), persatuan pengguna, dan Kementerian Pengangkutan. Malah kabinet dan Perdana Menteri terpaksa campur tangan selepas keadaan kelim-kabut berlaku di banyak plaza tol terutama di Lembah Klang yang ada lapan juta penduduk dan penyumbang terbesar kepada kekayaan PLUS Malaysia Berhad (PLUS).

Jangan salah sangka. RFID tidak bersalah seperti juga bukan salah ibu mengandung. Cuma pelaksanaannya RFID kurang aspek intelek. Mungkin ada yang bangun dari kayangan pada satu pagi dan memutuskan mari kita tutup lorong Smart Tag.

PLUS sememang bertanggungjawab. PLUS tahu jumlah trafik yang melalui setiap lorong Smart Tag di seluruh negara. PLUS ada semua data, jumlah kenderaan yang melalui setiap lorong plaza tol. Dengan hanya melakukan analisis "Big Data", PLUS tahu kesan penutupan tiga lorong Smart Tag di Plaza Tol Sungai Besi contohnya. Plaza tol itu menerima puluhan ribu kenderaan setiap hari. Mungkin ada terlupa terdapat ratusan kawasan perumahan dan industri di sepanjang lebuh raya.

Yang peliknya, tiada siapa mengira jumlah RFID yang dijual setiap hari dan membandingkan dengan jumlah trafik. Mana-mana ahli perniagaan tahu peningkatan permintaan digunakan bagi meningkatkan pengeluaran. Jika penutupan lorong dilakukan mengikut jumlah jualan RFID dan trafik secara berperingkat, keadaan kelim-kabut tempoh hari sudah pasti tidak berlaku.

Mungkin ada pihak mahu pengguna beralih kepada RFID secepat mungkin. RM35 adalah perniagaan lumayan. Harus diingat apa juga cara pembayaran, pengguna lebuh raya tidak menggunakan perkhidmatan secara percuma.

Satu lagi aspek yang meningkatkan suhu kemarahan rakyat ialah kad Touch 'n Go masih diperlukan. Kebanyakan pusat beli-belah telah mewajibkan kepada pembayaran elektronik untuk meletakkan kenderaan. Kini pengguna perlu menggunakan Touch 'n Go dan menyimpan baki sekurang-kurangnya RM20 untuk meletakkan kenderaan di pusat beli-belah. Jadi wang rakyat bersepah di beberapa platform.

Juga apa yang terjadi kepada puluhan juta kad Touch 'n Go yang diedarkan? Apa berlaku kepada baki wang kad Touch 'n Go yang tidak lagi digunakan? Adakah baki itu dihantar kepada agensi wang tidak dituntut seperti akaun bank tidak aktif?

Satu lagi perkara yang menimbulkan persoalan ialah penggunaan satu platform e-wallet bagi RFID. Jadi berapa banyak e-wallet harus rakyat ada. Satu untuk beli-belah di Shopee, satu untuk Grab, satu untuk Setel bila membeli minyak, dan Touch 'n Go untuk RFID. Apa yang gila, terdapat 53 platform e-wallet di negara yang hanya ada 32 juta penduduk.

Kenapa pembayaran tol tidak boleh dilakukan menggunakan mana-mana platform e-wallet? Ada yang lupa kepada pakcik di kampung yang menggunakan telefon 3G perlu mendapatkan telefon 4G, pindah turun aplikasi e-wallet, lakukan pemindahan wang elektronik, dan membeli RFID untuk menggunakan lebuh raya.

Sememangnya, perubahan adalah sukar. Ia bertambah sukar kalau terdapat kelemahan dalam pelaksanaan. Ini hasilnya apabila mendayung sampan ketika air cetek. Keringat, tenaga dan peluh terbuang tetapi pendayung tidak ke mana seperti juga RFID.

Mohamad Azlan Jaafar adalah Pengarang Kumpulan Media Mulia Sdn. Bhd.